

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIV)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

11. Senaraikan projek-projek pembangunan dengan nilai kos yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat untuk Pulau Pinang sejak 2018 di mana dana persekutuan belum disalurkan kepada kepada projek-projek berkaitan yang akan dilaksanakan.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Berdasarkan semakan dengan Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang, semua projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2018 telah disalurkan peruntukan untuk pelaksanaan.

Walau bagaimanapun, bagi tahun 2020, Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa Belanjawan 2020, telah mengumumkan peruntukan kepada Pulau Pinang berjumlah RM100 juta untuk pelaksanaan Projek Cable Car Bukit Bendera. Peruntukan bagi projek ini belum disalurkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia kepada Kerajaan Negeri memandangkan projek ini masih diperingkat awal pelaksanaan.